

**Ucapan YAB Tun Abdul Razak, Perdana Menteri**  
**di Upacara Peresmian Pusat Kemajuan Peladang Machang Utara,**  
**Pulai Chondong, Kelantan Yang Diadakan Pada 25hb. Februari, 1975.**

Saya adalah sangat gembira dan berbesar hati mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan rabulalamin kerana dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian disini pada petang ini di upacara yang begini besar maknanya. Malangnya pada hari ini seluruh negeri Kelantan ini hujan telah turun dengan lebatnya daripada pagi sampai petang, tetapi sungguhpun begitu saudara-saudara telah berkumpul dengan ramainya.

Saudara-saudara sekalian, Y.B. Datuk Hj. Mustapha Jabar tadi telah menerangkan dengan panjang lebarnya berkenaan dengan aktibiti-aktibiti Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Datuk Menteri Besar, sebagai seorang pakar dalam lapangan pertanian telah membuat ucapan yang panjang juga. Jadi pada diri saya sebab saya bukan seorang yang mempunyai pengalaman dalam lapangan pertanian, hanya tahu menggunakan cangkul sahaja, untuk menanam sayur, yang lain saya tidak tahu, jadi saya fikir, saya tidak payahlah bercakap panjang berkenaan dengan hal ini, disebabkan arahan-arahan yang telah saya berikan kepada LPP atau Lembaga Pertubuhan Peladang telah pun dilaksanakan dengan sangat memuaskan. Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang dipengerusikan oleh Datuk Hj. Mustapha Jabar yang telah menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna dan sangat memuaskan hati dalam masa yang begitu singkat semenjak Lembaga Pertubuhan Peladang ditubuhkan. Semenjak tertubuhnya LPP ini berbagai-bagai kemajuan-kemajuan telah dapat dicapai dalam lapangan pertanian khususnya, banyak pertolongan-pertolongan telah dapat di beri kepada petani-petani dan peladang-peladang. Satu daripadanya ialah, kita telah berjaya menyelaraskan semua persatuan-persatuan peladang dan syarikat kerjasama pertanian seperti yang telah diterangkan oleh Datuk Hj. Mustapha, iaitu sebanyak 160 koperasi-koperasi peladang telah dapat ditubuhkan diseluruh negara kita ini. Dengan adanya koperatif-koperatif peladang ini maka bermaknalah usaha-usaha peladang-peladang dikampong-kampong itu dapat diselaraskan dan kita dapat mempunyai satu badan dimana pertolongan-pertolongan kepada petani-petani dapat diberikan dan diselaraskan. Jadi saya berharap lebih banyak lagi koperatif peladang ini dapat ditubuhkan supaya semua sekali petani-petani dan peladang-peladang dinegara kita ini akan dapat menerima faedah daripada bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan melalui berbagai-bagai institusi. Akan tetapi saudara-saudara sekalian, masalah peladang-peladang, petani-petani dinegara kita yang bilangannya saya diberitahu lebih kurang 800,000 orang adalah rumit. Dari zaman berzaman petani-petani dan peladang-peladang dikampong-kampong menghadapi berbagai-bagai masalah. Yang pertamanya ialah kebanyakan daripada petani-petani dikampong-kampong mempunyai tanah yang luasnya sedikit atau luasnya sangat kurang, dengan sebab itu mereka tak dapat menerima hasil yang memuaskan; setengah petani-petani dan peladang-peladang mengusahakan tanah orang lain iaitu tanah yang dipunyai oleh orang lain, iaitu yang tidak dipunyai oleh mereka sendiri; yang ketiganya kita dapati dikampong-kampong tanah-tanah biasanya ditanam oleh pokok-pokok yang kebanyakannya telah lama, sudah tua dan tidak mengeluarkan hasil yang begitu memuaskan. Jadi semua masalah-masalah ini saya harap kita dapat atasi daripada suatu masa ke suatu masa.

Seperti kata Datuk Hj. Mustapha tadi, sehingga hari ini hanya ada 30% daripada petani-petani dan peladang-peladang telah masuk dibawah jagaan Lembaga Pertubuhan Peladang, dan saya berharap bahawa tidak lama lagi angka ini akan meningkat kepada 60% dan saya berharap melalui aktibiti-aktibiti LPP ini, usaha-usaha akan dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah mereka. Satu daripada usaha yang sedang dijalankan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang ialah mengadakan ladang contoh dikawasan peladang sendiri. Dulu pada masa penjajahan dahulu, pada masa British; kita dapati ladang contoh yang diadakan oleh Jabatan Pertanian ialah diluar kawasan peladang-peladang. Jadi pada masa akan datang, saya harap ladang contoh ini diadakan dalam kawasan peladang-peladang itu sendiri dan kita harap tanah peladang-peladang itu akan dapat disatukan supaya luasnya tidak kurang daripada 5 atau 6 ekar untuk dijayakan dengan sempurna, teratur dengan menggunakan alat-alat moden, dan dengan itu dapatlah tanah itu mengeluarkan

hasil yang sempurna seperti yang kita kehendaki. Saya berharap usaha-usaha ini dapat diperhebatkan pada masa yang akan datang kerana pada pandangan saya, inilah satu caranya kita dapat mengatasi masalah kekurangan tanah atau pun masalah rakyat dikampong-kampong mempunyai tanah-tanah yang kecil dan juga masalah tanaman-tanaman yang tak teratur dan dengan inilah, dengan perlahan-perlahan saya fikir kita dapat mengatasi masalah reformasi tanah, iaitu kita hendak memberi kepada petani-petani dan peladang-peladang tanah yang cukup luas bagi keperluan mereka itu bagi perusahaan mereka hendak mendapatkan hasil yang sempurna. Jadi usaha-usaha ini saya percaya Lembaga Pertubuhan Peladang sedang menjalankan dengan baik dan diperhebatkan pada masa yang akan datang. Begitu juga seperti kata Datuk Hj. Mustapha tadi, L. . . mencadangkan hendak mengadakan pertandingan ladang contoh dalam 2,000 unit kecil peladang diseluruh negara kita ini. Ini satu galakan yang besar kepada petani-petani dan peladang-peladang kita untuk menyediakan ladang-ladang contoh yang boleh menunjukkan sebenar-benarnya kebolehan mereka itu menjayakan tanah-tanah yang ada dimiliki oleh mereka itu. Jadi dengan usaha secara semacam inilah saya percaya kita dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani dan peladang-peladang yang saya katakan tadi rumit dan yang sukar hendak mengatasi dan saya berharap kepada saudara-saudara sekalian, peladang-peladang dan petani-petani sekalian supaya memberi kerjasama dan sokongan kepada LPP dalam menjalankan tugas-tugas mereka itu supaya dengan itu saudara-saudara sekalian akan dapat menerima kebanyakan faedah-faedah daripada usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti yang diberi.

LPP adalah ditubuhkan semata-mata dengan tujuan hendak menolong petani-petani dan peladang-peladang mengatasi masalah-masalah mereka, hendak menolong supaya usaha-usaha mereka itu dapat mendatangkan hasil yang lebih lumayan. Jadi, inilah sebenar-benarnya harapan saya pada masa yang akan datang ini supaya dengan usaha-usaha LPP untuk menyatukan tenaga petani-petani dan peladang-peladang diperingkat kampong-kampong dan usaha-usaha mereka itu dapat diselaraskan, bantuan dan pertolongan daripada agensi-agensi Kerajaan dapat disalurkan melalui koperatif-koperatif peladang dan juga melalui badan-badan pertubuhan peladang. Saya percaya dengan adanya usaha-usaha seperti itu, masalah-masalah yang lain, pasaran dan sebagainya akan dapat juga diatasi. Jadi kalau petani-petani dan peladang-peladang dikampong-kampong menjalankan perusahaan persendirian dengan tidak berlindung atau bernaung di bawah satu pertubuhan seperti LPP ini, saya khawatir usaha-usaha yang dijalankan oleh saudara-saudara tidak akan mendapat faedah langsung.



*Gambar ini menunjukkan penyerahan Ikrar Hari Peladang oleh Peladang Jaya 1975 (Encik Maarof bin Haji Amri) kepada Allahyarham YAB Tun Perdana Menteri di perayaan Hari Peladang yang diadakan di Dewan Jamuan Bangunan Parlimen pada 6hb Ogos, 1975.*